

25 JAN 1999

MTEN-PELABUR

MALAYSIA AKAN BUAT PERUBAHAN UNTUK TARIK PELABUR ASING

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan membuat beberapa perubahan tertentu bagi menarik lebih ramai pelabur asing dan ini akan diumumkan bila tiba masanya kelak, demikian menurut satu kenyataan lewat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) hari ini.

Sambil meredakan kebimbangan pengurus-pengurus dana tentang pengaliran keluar modal dari negara ini berikutan kawalan pertukaran berpilih yang diperkenalkan oleh kerajaan September lalu, beliau berkata kerajaan sedang mempertimbangkan untuk memperkenalkan cukai keluar bagi penghantaran pulang modal lebih awal.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam satu pertemuan dengan 28 pengurus dana dari Eropah dan Amerika Syarikat (AS) yang dibawa oleh penasihat kewangan Salomon Smith Barney.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir menegaskan bahawa ekonomi Malaysia semakin pulih dan memberi jaminan kepada pengurus-pengurus dana asing bahawa dasar-dasar ekonomi kerajaan tidak akan berubah.

"Masalah ekonomi sekarang adalah disebabkan oleh perdagangan matawang dan manipulasi pasaran saham. Kami telahpun menanganinya dan yang lainnya tetap sama," kata Dr Mahathir.

Beliau mengulangi bahawa langkah-langkah kawalan modal berpilih yang dikenakan tidak bermakna bahawa kerajaan menentang pelaburan langsung asing.

"Kami tidak akan mengasingkan diri (dari ekonomi global)," kata Dr Mahathir, sambil menegaskan bahawa pelabur-pelabur asing telah memainkan peranan utama dalam memajukan ekonomi sejak bertahun-tahun lamanya.

Kata beliau, malahan kawalan modal telah menunjukkan hasil positif, melihat daripada lebihan dagangan dan peningkatan rizab luar negara Malaysia serta peningkatan eksport dari segi dolar AS.

Langkah-langkah ini, yang menyebabkan penutupan CLOB, telah memberi kesan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur yang kini mencapai tahap 600 mata selepas jatuh ke tahap serendah 262 pada 1 Sept, 1998.

Mengenai urusan niaga saham-saham CLOB di BSKL, beliau berkata: "Kita akan mencari penyelesaian kepada urusan niaga saham-saham CLOB tetapi penyelesaian ini tidak seharusnya memberi kesan buruk kepada kita... Kita sedang mengkaji perkara ini dengan teliti."

Sementara itu, dalam satu pertemuan dengan pengarah esekutif MTEN dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin kemudiannya, pengurus-pengurus dana ini telah diberikan taklimat mengenai latar belakang MTEN dan diberitahu bahawa majlis ini kini berkuasa penuh ke atas perkembangan ekonomi.

Daim berkata MTEN akan terus berusaha sehingga negara ini kembali mencapai pertumbuhan teguh tetapi buat sementara waktu ini, tegas beliau, masih banyak faktor luaran yang boleh merosakkan rancangan pemulihan Malaysia, yang memerlukan pengawasan.

-- BERNAMA

SHO KY MA